

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai metodologi atau kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini. Perbincangan ini meliputi: (a) reka bentuk kajian, (b) instrumen kajian, (c) kesahan, kebolehpercayaan dan kajian rintis, (d) lokasi kajian, (e) populasi dan sampel kajian, (f) responden kajian, (g) prosedur pengumpulan data, dan (h) tatacara analisis data kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau kriteria kebolehbacaan buku teks bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing dan menilai tahap kebolehbacaan buku teks Bahasa Arab Tinggi (BAT) Tingkatan Empat serta mengenal pasti tahap faktor-faktor kebolehbacaan buku teks BAT pada diri murid. Sehubungan itu, kajian ini melibatkan buku teks BAT Tingkatan Empat, para guru dan murid peringkat menengah atas, iaitu tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA). Kajian ini, melalui sampel yang dipilih, seharusnya dapat menjelaskan fenomena kajian dan

digeneralisasikan kepada populasi kajian. Oleh itu reka bentuk kajian yang dikenal pasti dapat memerihalkan kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat adalah analisis teks dengan menganalisis ciri linguistik dalam teks dan kuantitatif deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) untuk mengumpulkan data.

Kaedah analisis teks dipilih dan sesuai kerana subjek kajian adalah buku teks BAT Tingkatan Empat yang merupakan satu-satunya sumber pembelajaran bahasa Arab yang digunakan. Oleh itu analisis yang akan dilakukan dapat memberi gambaran sebenar ciri linguistik dalam teks yang dikaji (Bogdan & Biklen 2003). Manakala kaedah kuantitatif deskriptif pula sesuai kerana dapatan daripada kaedah ini boleh digeneralisasikan dari sampel kepada populasi (Babbie, 1986; Creswell, 1994). Selain itu tinjauan yang digunakan dalam kajian ini berbentuk tinjauan semasa (*cross-sectional survey*), antara lain ia sesuai untuk mengukur sikap, tingkah laku, pendapat, pengalaman, ciri dan persepsi dari kumpulan subjek yang besar seperti para murid dan guru (Bailey, 1994; Neuman, 2003). Menurut Singleton dan Straits (2005) kaedah tinjauan bertujuan untuk mengumpulkan data dari sejumlah unit atau individu dalam satu-satu masa. Fraenkel dan Wallen (1996) menyatakan ia mampu untuk memperoleh banyak maklumat daripada bilangan sampel yang besar dalam masa yang singkat.

Kajian deskriptif ini menggunakan pelbagai kaedah tinjauan bagi melihat fenomena yang dikaji dari pelbagai sudut bagi memberi penjelasan tentang persoalan yang ditimbulkan dan ia juga dikenali sebagai triangulasi (Neuman, 2003; Singleton & Straits, 2005). Sehubungan itu, kaedah yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian melibatkan analisis dokumen, ujian, senarai semak, dan soal selidik bagi meninjau fenomena yang sama, iaitu kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat.


Dalam kajian ini data utama yang akan digunakan adalah melalui teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat yang diuji ke atas murid dengan menggunakan set ujian kloz. Data dari ujian ini memberikan gambaran lebih jelas tentang tahap sebenar aras kebolehbacaan buku teks tersebut berdasarkan kemampuan murid berinteraksi dengan teks-teks dalam buku teks tersebut. Ujian ini juga boleh memberi gambaran tentang kekuatan dan kelemahan murid khususnya ketika berinteraksi dengan pola linguistik dalam teks yang diuji.

Bagi mengukuhkan data dari dapatan ujian di atas, satu tinjauan melibatkan guru yang mengajar mata pelajaran BAT Tingkatan Empat melalui borang senarai semak akan dilakukan. Daripada senarai semak tersebut pengkaji akan memperoleh data berkaitan aras kebolehbacaan sebuah buku teks bahasa Arab sebagai bahasa asing pada buku teks BAT Tingkatan Empat yang berasaskan persembahan teknikal, sekali gus memberi gambaran keseluruhan tahap kebolehbacaan buku tersebut.

Selain ujian kloz dan senarai semak, data kuantitaif lain yang akan diperoleh adalah melalui soal selidik. Murid yang terlibat dengan kajian ini akan diberi satu set soal selidik bagi mendapatkan data berkaitan latar belakang pencapaian bahasa, tahap motivasi serta persepsi murid terhadap tahap pengetahuan sedia ada mereka berkaitan topik-topik bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat. Hal ini bertujuan untuk melihat tahap hubungan faktor diri murid dan pembaca ke atas kebolehbacaan buku teks tersebut.

Selain itu analisis linguistik ke atas teks bacaan yang terdapat dalam buku teks BAT Tingkatan Empat juga akan dilakukan. Analisis yang dilakukan adalah untuk mendapatkan gambaran tahap kekerapan penggunaan ciri linguistik bahasa Arab sebagai bahasa asing yang dikenal pasti oleh pengkaji setelah merujuk dan mendapat

pengesahan daripada para sarjana kebolehbacaan dan ahli linguistik bahasa Arab yang menyumbang kepada kebolehbacaan dalam teks yang diuji.



Rajah 3.1. Ilustrasi reka bentuk perkaitan data kuantitatif dan kualitatif

3.3 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini terdapat empat bentuk instrumen yang digunakan, iaitu: (a) satu set ujian kloz, (b) senarai semak penilaian kebolehbacaan, (c) analisis kandungan linguistik teks, dan (d) borang soal selidik murid. Setiap instrumen ini mempunyai cakupannya yang tersendiri. Berikut adalah perbincangan setiap instrumen yang akan digunakan.

3.3.1 Ujian Kloz

Formula kebolehbacaan sedia ada sukar untuk mengukur teks berbahasa Arab kerana ciri bahasa yang berbeza (Jad'ān 1989), dan hingga kini belum ada formula yang dibina untuk diguna pakai sebagai alat mengukur tahap kebolehbacaan teks bacaan berbahasa Arab (Yūnus, 2003). Oleh itu ujian kloz adalah alternatif yang baik sebagai petunjuk kepada kesesuaian bahan bacaan dengan tahap kebolehan membaca seseorang (Torres & Roig, 2005). Menurut Toiemah (1984) dan hasil temu bual berkala pengkaji dengan beliau pada tarikh 5, 12, 19, 26/06 dan 3/07/2006 di Jabatan Kurikulum dan Metodologi Pengajaran, Fakulti Pendidikan, Universiti Mansoura, Mesir, hingga kini teknik yang paling sesuai untuk mengukur teks-teks bahasa Arab untuk kegunaan penutur bukan Arab adalah melalui ujian kloz. Pandangan yang sama juga diberikan oleh Prof. Dr. Khadijah Rohani berdasarkan temu bual pengkaji dengan beliau pada 14/02/2006 di kediamannya. Pendapat yang sama juga pernah diperakui oleh Yūnus (2003) dan temu bual dengan beliau pada 29/06/2006 di pejabat beliau di Jabatan Kurikulum dan Metodologi Pengajaran, Fakulti Pendidikan, Universiti Ain Shams, Mesir. Selain itu ujian kloz juga telah terbukti kebolehpercayaan dan kesahannya untuk teks bahasa Arab berdasarkan kajian Dāwud (1977), Toiemah (1978) dan beberapa saranan beliau pada tahun-tahun berikutnya (1984, 1985 dan 1989) serta Shishi (1982) dan Jad'ān (1989). Pandangan yang sama berkaitan kebolehpercayaan dan kesahan ujian ini juga telah dinyatakan oleh Hassan Basri (2002).

Kelebihan kaedah ini berbanding kaedah lain adalah wujudnya interaksi langsung antara bahan bacaan yang diukur dengan pembaca dalam satu masa melalui

instrumen ujian kloz yang digunakan (Rye, 1982; Toiemah, 1984; Marohaini, 1999; Williams et al., 2002) berbanding kaedah lain yang memerlukan dua teknik berasingan sekiranya dua boleh ubah ingin dikaji. Selain itu Alderson (2000) menyatakan banyak kajian telah membuktikan tahap korelasi yang tinggi antara dapatan ukuran kebolehbacaan menggunakan formula dengan ukuran kebolehbacaan yang menggunakan ujian kloz.

Ujian ini menggunakan teks dalam buku teks BAT Tingkatan Empat sahaja. Prosedur yang telah digunakan bagi membina dan menjalankan ujian ini berdasarkan panduan dan saranan yang telah dikemukakan oleh Toiemah (1984) di samping beberapa sarjana lain seperti Bādī (1982), Hassan Basri (2002), Harrison (1980), Klare, Sinaiko, dan Stolurow (1971), Marohaini (1999), dan Rye (1982) dengan beberapa pengubahsuaian sesuai dengan keperluan dan fokus kajian. Prosedur yang dilakukan adalah seperti berikut :

- 1- Mengenal pasti 3 teks bacaan daripada 15 topik dalam pembelajaran *al-Muṭāla‘ah* yang telah dipilih secara rawak. Menurut Rye (1982) artikel yang sesuai bagi ujian kloz adalah yang mengandungi 250 patah perkataan manakala Toiemah (1984) menyatakan 300 patah perkataan ke atas. Berdasarkan anggaran patah perkataan setiap topik dalam Bab II hanya lapan topik sahaja yang mempunyai jumlah perkataan melebihi 250 perkataan (lihat bab II, jadual 2.2). Oleh itu tiga teks dipilih sebagai sampel daripada lapan topik tersebut berdasarkan lokasi teks dalam buku teks serta tema teks yang pelbagai.
- 2- Pemotongan perkataan: Berdasarkan prosedur ujian kloz, pemotongan perkataan dalam teks yang diuji hendaklah dibuat secara konsisten sama ada pada setiap perkataan yang kelima, keenam, atau ketujuh tanpa melihat bentuk

ayat dan jenis perkataan. Dalam kajian ini pemotongan telah dilakukan pada setiap perkataan ketujuh. Menurut Toiemah (1984) perkataan ketujuh yang dipotong adalah sesuai dan paling banyak digunakan bagi menguji teks bahasa asing. Klare et al. (1971) menyatakan pemotongan pada setiap perkataan ketujuh lebih baik sekiranya dirasakan kebolehan bahasa murid lemah atau teks yang diuji agak sukar. Selain itu menurut Toiemah (1984 dan 2006) lagi bagi peringkat sekolah jumlah perkataan yang dipotong dalam satu teks hendaklah paling kurang 30 patah perkataan sudah memadai. Daripada tiga teks yang telah dipilih, teks (A) mempunyai 46 tempat kosong, teks (B) 38 tempat kosong dan teks (C) 48 tempat kosong.

- 3- Dalam pelaksanaan ujian kloz terdapat dua teknik menjawab, iaitu jawapan aneka pilihan dan jawapan bebas tanpa aneka pilihan. Bagi menentukan teknik sesuai yang digunakan pengkaji telah melakukan kajian rintis terhadap kedua-dua teknik tersebut. Ia dilakukan bagi menentukan teknik yang sesuai serta boleh menggambarkan keadaan paling sebenar tahap kebolehbacaan teks dari pembaca sasaran yang dikaji.

Bagi jawapan aneka pilihan, tiga jawapan disediakan bagi setiap tempat kosong yang mana terdapat hanya satu sahaja jawapan yang betul. Tiga jawapan pilihan digunakan sesuai dengan cadangan Guthrie (1973). Walaupun terdapat banyak cadangan tentang jumlah jawapan pilihan seperti Ozete (1977) dengan dua pilihan, Cranney (1973), Jonz (1976) dan Porter (1976) dengan empat pilihan termasuk Toiemah (1984) yang mencadangkan dua jawapan daripadanya boleh dianggap betul, iaitu satu darinya tepat dan satu lagi hampir tepat (perkataan sinonim). Bagi kajian ini pengkaji hanya menyediakan jawapan yang tepat sahaja

memandangkan teks yang dikaji ditulis dalam bahasa asing dan merupakan buku teks yang wajib digunakan bagi subjek BAT Tingkatan Empat. Oleh itu mengambil kira hanya perkataan yang tepat dengan teks asal akan memberi gambaran sebenar tahap kesukaran teks yang dikaji.

- 4- Teks yang dipilih telah dimasukkan baris sebagaimana yang terdapat dalam buku teks. Namun Toiemah (1984) menyarankan teks yang diuji tidak dimasukkan baris. Pengkaji memilih untuk memasukkan baris berdasarkan tahap kemahiran bahasa murid yang belum mampu sepenuhnya membaca teks Arab tanpa baris berbanding sampel Toiemah yang dilakukan kepada murid yang sudah matang iaitu pelajar-pelajar universiti.
- 5- Taklimat ringkas yang sesuai dengan tahap murid berkaitan ujian disertakan dalam set ujian selain taklimat lisan bagi memastikan responden benar-benar faham tentang tujuan dan cara menjalani ujian.
- 6- Pada ruang perkataan yang telah dibuang telah digantikan dengan satu garisan panjang dengan ukuran yang sama supaya ia tidak menjadi petanda kepada murid terhadap jenis perkataan yang telah dibuang serta tidak mempengaruhi jawapan murid.
- 7- Pada setiap ruang kosong yang bergaris itu pula diserta nombor mengikut urutan bagi kegunaan semasa penyemakan dan nombor untuk jawapan aneka pilihan.
- 8- Markat jawapan diperoleh berdasarkan peratus dengan mengira jumlah jawapan yang betul dan dibahagi kepada jumlah semua perkataan yang dipotong dalam satu petikan teks. Bagi menentukan tahap kebolehbacaan kesemua kertas jawapan dari responden akan dikumpulkan untuk mendapatkan purata

keseluruhan. Bagi ujian kloz jawapan terbuka iaitu tanpa aneka pilihan tahap markat yang digunakan adalah 0%-40% sebagai tahap kecewa, 41%-60% sebagai tahap pengajaran dan 61%-100% sebagai tahap bebas (Fagan, 1997). Toiemah (1985) berpendapat aras yang diterima pakai bagi mengukur tahap kefahaman dan kebolehbacaan bahasa Arab sebagai bahasa asing adalah 60%. Hal ini bermakna sekiranya purata markat ujian murid memperoleh lebih dari 60% ia menunjukkan teks tersebut sesuai untuk kegunaan murid yang diuji. Bagi ujian yang mempunyai jawapan aneka pilihan markat yang digunakan adalah 0%-74% sebagai tahap kecewa, 75%-89% sebagai tahap pengajaran dan 90%-100% sebagai tahap bebas (Rye 1982). Kedua-dua aras pemarkatan ini iaitu bagi jawapan aneka pilihan dan jawapan terbuka adalah hampir sama dengan pemarkatan Bormuth (1968) dan Runkin dan Culhane (1969).

3.3.2 Senarai Semak untuk Guru BAT Tingkatan Empat

Menurut Klare (1969) sekiranya kajian kebolehbacaan dilakukan ke atas bahan-bahan bacaan sekolah, merujuk kepada pertimbangan dan pandangan guru-guru lebih diutamakan khususnya guru berpengalaman. Pandangan ini disokong oleh Bādī (1982) dan Harris dan Sipay (1990) dengan menyatakan pandangan guru yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan bahan-bahan bacaan yang digunakan oleh murid berkaitan kebolehbacaan boleh dipercayai. Oleh itu satu set senarai semak dibina bagi mendapat pandangan dan pertimbangan guru bagi menilai kebolehbacaan buku teks BAT secara menyeluruh. Menurut Jackson (2006) terdapat dua jenis senarai semak, iaitu senarai semak statik dan senarai semak tindakan. Memandangkan bahan yang hendak

dikaji, iaitu buku teks tidak akan berlaku perubahan semasa pengukuran dibuat, justeru senarai semak statik digunakan.

Instrumen berasaskan senarai semak yang digunakan ini berdasarkan pandangan di atas serta beberapa perbincangan pengkaji dengan pakar rujuk dalam bidang penilaian dan kebolehbacaan buku teks bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing pada tarikh yang tersebut di atas. Ia bersesuaian dengan cadangan Toiemah (1984) supaya instrumen ini diguna pakai sebagai salah satu kaedah menentukan kebolehbacaan buku teks bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing. Selain itu melalui cara ini pengkaji boleh mengfokuskan kriteria-kriteria yang spesifik dalam mengenal pasti tahap kebolehbacaan serta memudahkan pakar penilai dalam memberi pandangan dan mudah untuk dianalisis (Jackson 2006).

Senarai semak kebolehbacaan yang disediakan merupakan satu set senarai ciri atau kriteria sebuah buku teks bahasa Arab untuk kegunaan penutur asing. Ia sekali gus bertindak sebagai pengukur tahap kebolehbacaan buku teks yang dikaji secara keseluruhan. Konstruk dan item dalam senarai semak ini dibina melalui proses adaptasi dan modifikasi oleh pengkaji berdasarkan Panduan Penulisan Buku Teks BAT yang dikeluarkan oleh Bahagian Buku Teks KPM (2002) dan Huraian Sukatan Pelajaran BAT oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral JAPIM (2003) serta senarai-senarai semak yang telah dibina oleh beberapa orang pengkaji bagi menilai buku teks bahasa kedua atau asing dan mengukur kebolehbacaannya, iaitu Ansary & Babaii (2002), Cisar (2000), Garinger (2001 & 2002), Irwin dan Davis (1980), Miekley (2005), al-Nāqah dan Tu‘aimah (1985), dan Toiemah (1985).

Buku teks yang disemak melalui senarai ini adalah buku teks BAT Tingkatan Empat. Draf awal borang senarai semak yang dihasilkan terdiri daripada sepuluh

bahagian merangkumi kandungan keseluruhan buku teks yang dikaji meliputi: (a) gambaran umum, (b) persembahan kandungan, (c) bahasa dan kemahiran-kemahiran, (d) organisasi, (e) aktiviti dan latihan, (f) pengukuran, (g) rupa bentuk fizikal, (h) bahan-bahan tambahan, (i) motivasi, dan (j) buku manual guru. Seterusnya senarai semak ini diedarkan kepada guru-guru pakar atau berpengalaman yang terlibat dengan pengajaran subjek BAT Tingkatan Empat di SMKA seluruh Semenanjung Malaysia untuk mendapatkan pandangan mereka berdasarkan skala Likert lima aras persetujuan.

3.3.3 Analisis Teks

Analisis teks pula diguna pakai bagi mengenal pasti aspek-aspek linguistik yang menyumbang kepada kebolehbacaan. Kaedah ini sesuai digunakan khususnya bagi menganalisis dokumen bagi mendedahkan kandungan dalam konteks sumber komunikasi (Bailey, 1994; Neuman, 2003). Menurut Neuman (2003) dan Bogdan dan Biklen (2003) kandungan dokumen itu merujuk kepada perkataan, makna, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa mesej yang boleh dijadikan medium komunikasi, sama ada dokumen itu melibatkan buku, majalah, surat khabar, filem dan seumpamanya. Sonnenblick (1984) menyatakan pemboleh ubah kesukaran linguistik yang dianalisis daripada teks lebih menunjukkan perkaitan dengan tahap pemahaman murid terhadap teks yang diuji. Oleh itu dalam kajian ini tumpuan analisis adalah kepada kandungan pola-pola linguistik yang terdapat dalam teks. Teks-teks yang dianalisis adalah semua teks bacaan dalam bidang pembelajaran *al-muṭāla‘ah*, iaitu sebanyak 15 teks bacaan yang terdapat dalam buku teks BAT Tingkatan Empat. Berdasarkan kajian-kajian ‘Abd al-Rahmān (1994), ‘Abd Wahhāb (1999), Bādī (1982), Kamarulzaman (1998), al-Khūlī (1998),

Muhammad Bakhit (1998) dan Muhammad Zain (1994), aspek-aspek linguistik yang dijadikan asas analisis adalah seperti berikut:

Jadual 3.1

Kriteria Analisis Linguistik Teks Bahasa Arab

Kategori	Ciri	Ukuran	Contoh
Perkataan	Kebiasaan Penggunaan مألفة الاستعمال	Senarai kata (KPM)	Perkataan dalam senarai kata yang disediakan oleh KPM pada peringkat menengah rendah sebagaimana dalam HSP.
	Pengecaman سهولة التعرف	Kata serapan Arab dalam bahasa Melayu الكلمات العربية المقرضة في اللغة الملايوية	Perkataan Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu (kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu) seperti perkataan انسان, جاہل dll.
	Makna الدالة	Konkrit dan abstrak حسي و معنوي	Seperti perkataan يذهب يأكل يتحمل يستمر، بيت مدرسة يتدفق، علمة dan lain-lain.
		Nyata dan balaghah و حقيقي ومجازي	Hakiki dan balaghah (simile, majāz, dan kiasan) الحقيقة والتشبيه والمجاز والاستعارة
	Binaan Kata بنية الكلمة	Kata dasar dan kata terbitan (berderivasi dan berimbuhan) مجرد و مشتق و ملخص	Seperti جموع، اجتماع، جمع، يجتمعون، مجتمع dll.
	Bentuk Kata شكل الكلمات	Kata tunggal dan kata klausa مفرد و مرکب	Seperti perkataan يسأل dan پشد، بسيارتهم dan سیارة، پسالني فلیشد dan dll.
Ayat	Kebiasaan jenis ayat	Jumlah ayat kata kerja dan ayat kata nama dalam teks	Ayat kata kerja dan ayat kata nama
	Panjang dan Pendek القصيرة والطويلة	Jumlah ayat kata kerja atau ayat kata nama dalam ayat	عدد الجمل الفعلية في جملة واحدة أو عدد الجمل الاسمية في جملة واحدة
	Mudah dan Kompleks أركان الجملة والفضلات البسيطة والم Osborne	Ayat tunggal dan ayat majmuk	التمييز والحال والمفعول المطلق، والصلة، والإضافة، والمبنية للمجهول، والجملة الاعتراضة، والتقديم والتأخير وغيرها
Kandungan	Makna Ayat دلالة الجملة	Ayat nyata dan ayat balaghah حقيقة ومجازية	Biasa dan balaghah (Simile, kiasan dan majāz) الحقيقة والتشبيه والكتابية و المجاز
	Kepadatan Isi كثافة المحتوى	Kata tugas dalam ayat	عدد الكلمات الوظيفية في الجملة كواو العطف، ويل، ولكن، وثم، وحتى وغيرها، يشير إلى عدد الأفكار الموجودة في الجملة الواحدة.

3.3.4 Soal Selidik Murid

Selain itu, soal selidik juga digunakan dalam kajian ini. Ia digunakan bagi mendapatkan daripada murid data berkaitan aras pencapaian bahasa, motivasi dan pengetahuan sedia ada berkaitan topik teks yang dikaji. Hal ini bagi mengenal pasti tahap faktor-faktor diri pembaca serta hubungannya dengan kebolehbacaan teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat. Mengikut Denscombe (1998), Gall, Gall dan Borg (2005), dan Robson (1998) soal selidik lebih sesuai untuk kajian tinjauan semasa yang melibatkan jumlah responden yang ramai berbanding temu bual kerana kekangan masa dan kos. Kaedah ini juga banyak digunakan dalam pengumpulan data secara tinjauan kerana keberkesanan dan praktikal untuk mendapatkan data (Neuman, 2003).

Bentuk soal selidik yang digunakan adalah soal selidik jawapan terpilih yang juga dikenali dengan soal selidik berstruktur atau soal selidik tertutup (Babbie, 1986; Bailey, 1994; Mohd Majid Konting, 2005). Responden diminta membaca pernyataan-pernyataan yang diberi, seterusnya memilih aras persetujuan yang paling menggambarkan persepsi mereka terhadap pernyataan-pernyataan tersebut berdasarkan skala Likert lima aras persetujuan yang diberi.

Soal selidik ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bagi bahagian pencapaian bahasa murid pengkaji, mendapatkan maklumat berdasarkan gred pencapaian subjek Bahasa Arab Komunikasi (BAK) murid dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Menurut Klare (1969) kebolehan bahasa seseorang boleh ditentukan berdasarkan pencapaian akademik terakhir murid sekiranya kajian kebolehbacaan yang dilakukan pada peringkat persekolahan. Manakala bagi mendapatkan maklumat berkaitan motivasi murid terhadap teks-teks bacaan bahasa

Arab, bahagian ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu: (a) aspek intrinsik pembaca, iaitu terdiri daripada 15 item (b1 hingga b15); (b) aspek ekstrinsik pembaca, iaitu sebanyak lapan item (b16 hingga b23); dan (c) kepentingan membaca, iaitu enam item (b24 hingga b29). Item-item ini dibina berdasarkan soal-soal selidik yang telah dibina oleh Gardner (2001), Harris & Sipay (1990), Mori (2002), al-Nāqah (1984), Nishino (2005), Pintrich & DeGroot (1990), Takagaki (2002), dan Yūnus (2003) dengan beberapa pengubahsuaian sesuai dengan keperluan dan konteks kajian.

Manakala bagi mendapatkan tahap pengetahuan sedia ada murid terhadap topik-topik bacaan dalam buku teks BAT, pengkaji juga menggunakan soal selidik untuk mendapat persepsi murid tentang tahap pengetahuan mereka berkaitan topik-topik tersebut berdasarkan skala Likert lima aras pengetahuan. Terdapat 15 item dalam bahagian ini yang diasaskan kepada 15 topik bacaan dalam buku teks yang dikaji. Soal selidik ini dibina berdasarkan soal selidik yang dibuat oleh Commander (1985) dan Bādī (1982) yang mengkaji tahap pengetahuan berdasarkan persepsi murid terhadap topik yang dipelajari dengan pengubahsuaian.

3.4 Kesahan, Kebolehpercayaan dan Kajian Rintis

3.4.1 Kesahan Instrumen Kajian

Menurut Alias (1999) kesahan instrumen kajian menunjukkan ujian atau penilaian itu benar-benar mengukur apa yang hendak diukur. Dalam penggubalan item-item instrumen kajian ini pengkaji telah merujuk kepada beberapa pakar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam pendidikan bahasa Arab sebagai bahasa kedua

khususnya dalam bidang linguistik, pembinaan kurikulum, metodologi pengajaran dan pengukuran dan penilaian. Hal ini adalah untuk mendapatkan kesahan muka (*face validity*) dan kesahan isi kandungan (*content validity*). Proses kesahan ini dilakukan untuk memantapkan lagi isi kandungan, penggunaan bahasa serta kejelasan maksud item.

Langkah pertama yang dilakukan dalam membina instrumen kajian adalah membuat perbincangan dengan penyelia dan pakar rujuk kebolehbacaan buku teks bahasa Arab sebagai bahasa kedua, iaitu Prof. Dr. Roushdy Ahmad Toiemah bagi mengenal pasti alat-alat kajian yang sesuai dengan objektif kajian yang hendak dicapai. Seterusnya kandungan spesifik berpandukan definisi konstruk-konstruk yang berkaitan kajian dikenal pasti. Kemudian pengkaji mengumpulkan semua sampel soalan yang berkaitan dengan skop definisi. Akhir sekali pembinaan alat kajian dilakukan dengan memastikan item-item yang dipilih menepati setiap bahagian definisi. Proses ini dilakukan bagi mendapat kesahan kandungan alat kajian (Alias, 1999; Neuman, 2003). Menurut Alias (1999) lagi tidak ada cara statistik sesuai yang menentukan kesahan jenis ini melainkan logik.

Setelah membina alat-alat kajian melalui tiga proses di atas, pengkaji telah merujuk kepada beberapa pakar bagi mengadili tahap kesahan kandungan alat yang dibina. Merujuk kepada pakar merupakan cara yang biasa digunakan bagi mendapatkan kesahan kandungan alat kajian yang dibina (Alias, 1999; Burns, 2000). Melalui penilaian pakar-pakar tersebut beberapa cadangan pembaikan dan pengubahsuaian telah dikemukakan. Setelah pemurnian dilakukan dengan mengambil kira pandangan-pandangan pakar berkenaan draf akhir diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu kemudian dikemukakan kepada penyelia bagi mendapat pengesahan terakhir sama ada dari sudut kandungan, terjemahan dan bahasa.

Langkah-langkah di atas dilakukan ke atas tiga alat kajian, iaitu senarai semak kebolehbacaan, soal selidik murid dan kriteria linguistik bagi analisis teks. Namun bagi senarai semak kebolehbacaan selain pakar bidang, merujuk kepada guru-guru sekolah juga perlu memandangkan senarai semak ini akan digunakan oleh guru (Hassan Basri 2002). Oleh itu berdasarkan maklumat dari pihak KPM, lima orang guru cemerlang dan enam orang guru berpengalaman (DG48 & DG44) dari seluruh negara telah dipilih bagi menilai senarai semak yang dibina.

Manakala bagi ujian kloz ia dipilih berdasarkan saranan Toiemah (1984) dan Yūnus (2003) serta perbincangan melalui temu bual semuka dengan kedua-dua pakar tersebut. Sebagaimana yang telah dinyatakan, hingga kini tidak ada alat yang sesuai dan baik untuk mengukur teks-teks berbahasa Arab bagi penutur bukan Arab melainkan ujian kloz. Sehubungan itu, pengkaji telah membina set ujian kloz bagi teks-teks terpilih daripada buku teks BAT tingkatan empat berdasarkan prosedur ujian kloz bahasa Arab sebagai bahasa asing yang digaris oleh Toiemah (1984) dengan sedikit pengubahsuaian sesuai dengan konteks kajian. Proses pembinaan dan penyediaan ujian tersebut dibuat di bawah seliaan dan bimbingan Prof. Dr. Roushdy Ahmad Toiemah bagi memastikan set ujian yang dibina bertepatan dengan kaedah pembinaan ujian kloz bagi teks bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Berikut adalah senarai jumlah pakar rujuk dan institusi bagi kesahan kandungan.

Jadual 3.2

Senarai Pakar Rujuk bagi Kesahan Kandungan Instrumen

Bil	Pakar Rujuk	Institusi	Instrumen
1	4 Orang	Universiti Luar Negara	Senarai semak, ujian kloz, soal selidik, analisis linguistik
2	6 orang	Universiti Dalam Negeri	
3	5 orang guru cemerlang BAT	SMKA dari 3 buah negeri	Senarai semak
4	5 orang guru BAT gred DG44 & 48	SMKA dari 3 buah negeri	Senarai semak

Sila lihat lampiran (F).

Setelah merujuk kepada panel pakar tersebut, mereka telah menyatakan persetujuan terhadap keseluruhan item dan kandungan instrumen dengan beberapa cadangan pembaikan dan pengubahsuaian. Langkah seterusnya selepas pembaikan dan pengubahsuaian dilakukan ialah menjalankan kajian rintis. Semasa kajian rintis dijalankan beberapa catitan dibuat. Antara yang dicatitkan ialah masa yang diperlukan untuk menjawab soalan, soalan-soalan yang menimbulkan masalah atau keraguan dan bentuk susunan atau format instrumen yang digunakan khususnya melibatkan senarai semak, ujian kloz dan soal selidik. Kemudian ia dianalisis untuk melihat tahap kebolehpercayaannya. Item-item dalam instrumen kajian kemudiannya dibaiki serta diubah suai untuk mendapatkan item yang lebih tepat.

3.4.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan adalah satu ukuran yang menunjukkan sejauh mana skor individu atau responden mempunyai skor sebenar (skor ralat adalah kecil) yang mencerminkan sifat atau pernyataan yang diukur (Gall, Gall & Borg, 2005). Data yang dipungut bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian adalah melibatkan semua instrumen iaitu ujian kloz, senarai semak, kriteria analisis linguistik dan soal selidik.

Bagi mengukur kebolehpercayaan ujian kloz kaedah yang digunakan adalah dengan menggunakan formula Kuder-Richardson jenis KR₂₁. Pengiraan pekali kebolehpercayaan menggunakan formula KR dipilih kerana ia sesuai untuk alat kajian bagi data jenis dikotomi, iaitu jawapan ujian berdasarkan betul atau salah (Alias, 1999; Toiemah, 1978). Menurut Alias (1999) formula KR₂₁ dan Cronbach Alfa adalah serupa cuma bezanya hanya cara mengira jumlah varian untuk soalan.

Manakala bagi soal selidik murid yang merupakan data selanjar yang menggunakan skala Likert, kaedah Cronbach Alpha digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan (Alias, 1999). Nilai pekali Alpha yang menghampiri 1.00 menunjukkan item-item dalam skala itu mengukur perkara yang sama dan nilai ini menunjukkan bahawa item-item tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Bagi menentukan kebolehpercayaan unit analisis tema atau konstruk analisis linguistik yang dibina, indeks Cohen Kappa digunakan (Zahrah 2002; Zamri 2004). Hal ini bertujuan untuk mendapat darjah persetujuan dari *inter-rater* terhadap item-item dalam konstruk yang dibina. Formula pengiraan pekali persetujuan Cohen Kappa adalah seperti berikut (Robson 1998):

$$K = \frac{Pa - Pc}{N - Pc}$$

Pa – Unit persetujuan

Pc – 50 peratus jangkaan persetujuan

N – Bilangan unit (tema) yang diuji nilai persetujuan

Bagi senarai semak pula, memandangkan ia menggunakan data selanjar dengan menggunakan skala Likert, tahap ketekalan menilai antara penilai yang merupakan para guru subjek BAT Tingkatan Empat dilakukan. Bagi melihat nilai ketekalan persetujuan para penilai, pengkaji telah memilih lima orang guru yang mengajar BAT Tingkatan Empat yang melibatkan lima buah sekolah (dua buah di Selangor dan tiga buah di Kelantan) sebagai kajian rintis. Teknik yang digunakan adalah melalui formula kebolehpercayaan antara penilai (*interrater reliability formula*) (Jackson, 2006), iaitu;

$$\text{Kebolehpercayaan antara penilai} = \frac{\text{Jumlah persetujuan penilai} \times 100}{\text{Jumlah persetujuan penuh}}$$

3.4.3 Kajian Rintis

Kajian rintis bagi ujian kloz dan soal selidik murid dijalankan di SMKA Tok Bachok, Tangok, Bachok Kelantan (SMKATB). Kajian ini dilakukan pada 17 September 2006 yang melibatkan 60 orang murid pelbagai tahap pencapaian BAK pada peringkat PMR. Murid-murid tersebut dibahagi kepada dua kumpulan, 30 orang daripadanya menjalani ujian kloz jawapan terbuka (bebas) dan 30 orang lagi menjalani ujian kloz jawapan aneka pilihan. Setelah menjalani ujian kloz murid yang sama diberikan soal selidik berkaitan motivasi mereka terhadap membaca bahan-bahan berbahasa Arab serta tahap pengetahuan mereka berkaitan topik-topik bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat. Manakala senarai semak kebolehbacaan pula pengkaji sendiri menemui guru-guru yang terlibat di lokasi mereka bertugas pada tarikh yang pelbagai.

Mengikut Mohd. Majid Konting (2005) nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.6 selalunya diguna pakai dalam kajian-kajian sebagai asas penentuan tahap kebolehpercayaan soal selidik. Malah menurut Nunnally (1976), nilai tersebut juga boleh digunakan kepada formula yang setara dengan Cronbach seperti formula KR. Manakala bagi Fraenkel dan Wallen (1993) pekali kebolehpercayaan yang baik untuk tujuan penyelidikan seharusnya berada pada tahap sekurang-kurangnya 0.70 atau lebih. Bagi mengukur kebolehpercayaan antara penilai, menurut Jackson (2006) sekiranya peratus yang diperoleh dari formula yang digunakan adalah 90% dan ke atas maka kebolehpercayaan antara penilai adalah tinggi, dan sekiranya markah yang diperoleh adalah 40% dan ke bawah tahap kebolehpercayaannya adalah rendah.

Setelah kajian rintis dilakukan, beberapa ketetapan perlu dilakukan bagi menentukan bentuk instrumen sebenar yang digunakan. Hasil dari ujian kloz yang

dilakukan, didapati tahap kebolehpercayaan ujian kloz jawapan terbuka mempunyai tahap kebolehpercayaan yang lebih tinggi, iaitu dengan nilai pekali kebolehpercayaan 0.83 berbanding ujian kloz jawapan aneka pilihan yang memperoleh 0.78. Namun jika ditinjau dari sudut pencapaian murid melalui dua bentuk ujian ini didapati melalui ujian kloz bebas murid memperoleh purata markah 5%, manakala ujian kloz aneka pilihan memperoleh 47%. Daripada kajian rintis yang dilakukan beberapa maklum balas daripada murid diperoleh. Mereka menyatakan ujian kloz bebas adalah sukar kerana mereka tidak pernah didedahkan dengan format sedemikian walaupun teks yang diuji daripada buku teks BAT mereka berbanding ujian kloz aneka pilihan yang mempunyai petunjuk melalui jawapan aneka pilihan. Selain itu masa satu jam untuk ujian kloz aneka pilihan adalah lebih praktikal berbanding ujian kloz bebas yang mana sebahagian besar mereka tidak dapat menjawab atau mengisi tempat kosong yang disediakan seterusnya menghilangkan minat dan dorongan untuk menjawab soalan yang diberi.

Manakala soal selidik yang dijalankan, responden tidak menunjukkan sebarang masalah untuk memberi pandangan mereka berdasarkan skala yang diberi. Soalan-soalan yang diberi difahami sama ada dari segi susunan bahasa, maksud, ejaan dan jumlah soalan.

Bagi kriteria analisis linguistik lima orang pakar bidang linguistik bahasa Arab telah dipilih untuk memberikan respons persetujuan terhadap kriteria yang telah dikenal pasti. Melalui analisis yang telah dilakukan pekali persetujuan Cohen Kappa bagi unit kriteria analisis linguistik ialah (0.84), menurut Fleiss (1981) nilai persetujuan Kappa yang melebihi 0.75 dikira cemerlang.

Melalui kajian rintis berkaitan senarai semak pula para guru yang terlibat memberi respons yang positif. Tidak ada item yang ketara membawa masalah untuk

difahami dan dijawab. Namun terdapat satu bahagian daripada senarai semak itu kurang relevan untuk ditinjau. Menurut mereka bahagian (J) berkaitan buku manual guru tidak boleh dinilai kerana bahan tersebut memang tidak wujud dan tidak disediakan oleh kementerian walaupun ia ada dinyatakan dalam manual buku teks bahasa Arab (Unit Bahasa Arab, 2002). Selain itu terdapat beberapa cadangan yang perlu dipertimbangkan bagi memantapkan senarai semak tersebut seperti ruangan pandangan atau temu bual bebas serta beberapa item yang perlu diperbaiki ayat supaya lebih jelas maksudnya. Dengan mengambil kira cadangan tersebut pengkaji memasukkan bahagian temu bual bebas sebagai data sokongan kepada senarai semak yang disediakan.

Berikut adalah jadual kebolehpercayaan instrumen bagi pemboleh-pemboleh ubah kajian dan ujian kloz jawapan bebas dan aneka pilihan.

Jadual 3.3

Pekali dan Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian, Ujian Kloz Jawapan Bebas dan Aneka Pilihan, dan Senarai Semak Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab

Instrumen	Pemboleh Ubah/ Teknik	Teknik Analisis	Pekali/Nilai Kebolehpercayaan
Soal Selidik	Motivasi Tahap Pengetahuan	Cronbach Alpha	0.91 0.92
Ujian Kloz	Jawapan Bebas Jawapan Aneka Pilihan	KR ₂₁	0.83 0.78
Senarai Semak	Penilaian Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan 4	Formula Kebolehpercayaan Antara Penilai	80%
Analisis Linguistik	Kriteria Analisis Linguistik Teks Bacaan Bahasa Arab	Cohen Kappa	0.84

Hasil dari kajian rintis ini pengkaji membuat keputusan untuk menggunakan ujian kloz jawapan aneka pilihan sebagai alat ujian sebenar. Manakala senarai semak dan analisis linguistik yang digunakan dikekalkan dengan beberapa pengubahsuaian

berdasarkan pandangan dan cadangan yang diberi. Seterusnya soal selidik murid juga dikekalkan tanpa sebarang pindaan.

3.5 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di SMKA di Semenanjung Malaysia. Memandangkan kawasan yang terlibat melibatkan kawasan yang luas, untuk memudahkan pengumpulan data di sekolah-sekolah SMKA, kawasan yang terlibat dibahagikan kepada empat zon utama, iaitu utara, selatan, tengah dan timur. Dalam menjalankan kajian ini jumlah sekolah yang dipilih bagi mendapatkan sampel kajian berbeza antara murid dan guru. Jumlah lokasi bagi sampel guru adalah lebih banyak berbanding lokasi murid disebabkan jumlah guru yang terhad dalam sebuah sekolah, iaitu melibatkan 27 buah sekolah berbanding lokasi bagi sampel pelajar, iaitu 13 buah sekolah daripada 39 buah SMKA di Semenanjung Malaysia (KPM, 2006c). Berikut adalah jadual taburan lokasi kajian bagi sampel murid dan guru:

Jadual 3.4

Taburan Zon SMKA dan Lokasi Kajian

Zon	Negeri	Bil SMKA	Bil. Lokasi Kajian	
			Murid	Guru
Utara	Perlis	2		
	Pulau Pinang	4	10	3
	Kedah	4		6
Tengah	Perak	3		
	Wilayah Persekutuan	1	7	3
	Selangor	3		5
Selatan	Negeri Sembilan	2		
	Melaka	2	8	3
	Johor	4		6
Timur	Pahang	2		
	Terengganu	6	14	4
	Kelantan	6		10
JUMLAH		39	13	27

Lihat lampiran (E)

3.6 Populasi dan Persampelan

Kajian ini bertujuan meninjau dan menentukan tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat dalam kalangan murid di sekolah-sekolah SMKA di Semenanjung Malaysia. Buku teks BAT Tingkatan Empat dipilih sebagai subjek kajian kerana ia satu-satunya buku teks yang digunakan dalam mempelajari bahasa Arab pada peringkat ini. Justeru penggunaannya adalah wajib dan digunakan oleh semua murid yang mengambil subjek BAT. Ia juga merupakan permulaan kepada tahap pembelajaran yang lebih mencabar bagi peringkat menengah atas, setelah murid didedahkan dengan pendekatan komunikasi pada peringkat menengah rendah. Oleh itu kajian ke atasnya lebih sesuai kerana ia merupakan titik permulaan bagi peringkat ini yang akan memastikan tahap perkembangan bahasa Arab murid dalam mempelajarinya sebagai bahasa asing untuk kegunaan murid pada peringkat yang lebih tinggi.

Terdapat tiga bentuk sampel yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian berkaitan buku teks BAT Tingkatan Empat, iaitu guru-guru berpengalaman yang mengajar subjek BAT Tingkatan Empat, teks-teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat dan murid-murid tingkatan empat di sekolah-sekolah SMKA. Gall, Gall dan Borg (2005) menyatakan bahawa pemilihan sampel berdasarkan populasi kajian memadai daripada menggunakan semua ahli dalam populasi. Hal ini kerana beliau berpendapat bahawa tidak semestinya menggunakan semua ahli dalam populasi sekiranya daripada sampel sudah dapat memberi gambaran untuk memahami sesuatu masalah dan fenomena yang berlaku dalam populasi terbabit. Manakala Sapsford dan Jupp (2006) berpendapat terdapat dua kriteria utama sampel yang baik, iaitu *representative* dan *adequacy*. Istilah *representative* bererti bahawa sampel yang dipilih

benar-benar mewakili populasi, manakala istilah *adequacy* pula bererti sampel yang dipilih dapat menggambarkan ciri-ciri parameter kajian.

Bagi memilih sampel bagi teks-teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat, ia dilakukan berdasarkan teknik pemilihan prosedur ujian kloz yang telah dikemukakan oleh Toiemah (1984). Menurut beliau pemilihan sampel 10% dari jumlah populasi sampel sudah memadai untuk digunakan bagi ujian kloz. Berdasarkan kadar tersebut bermakna daripada 15 teks bacaan, satu setengah ($1\frac{1}{2}$) teks diperlukan untuk dijadikan sampel kajian. Namun pengkaji menggunakan sampel teks penuh dari tiga topik kerana sekiranya separuh daripada teks penuh sesuatu topik diambil, teks tersebut tidak sah untuk dijadikan ujian kerana tidak memenuhi kriteria pemilihan teks ujian kloz. Manakala tiga teks dipilih bagi mewakili bahagian awal, tengah dan akhir buku teks. Cara ini bertepatan dengan cadangan Moyle (1971) dan Harrison (1980) yang menyatakan pemilihan tiga petikan dalam buku daripada bahagian yang berbeza.


Dalam penentuan sampel guru-guru BAT Tingkatan Empat, kaedah persampelan berkelompok digunakan. Melalui teknik ini sampel berdasarkan kelompok yang menggambarkan rangka populasi lebih mudah diurus serta ia mempunyai ciri yang hampir dari sudut fizikal. Selain itu ia juga boleh mengurangkan kos dalam penentuan lokasi dan mendapatkan sampel populasi (Babbie, 1986; Newman, 2003). Selain itu teknik ini dipilih memandangkan data berkaitan guru cemerlang BAT Tingkatan Empat atau berpengalaman yang sepatutnya digunakan tidak dapat diperoleh dari pihak kementerian. Oleh itu bagi menentukan jumlah sampel yang akan digunakan, pengkaji menggunakan jadual persampelan Krejcie dan Morgan (1970) dan formula pengiraan sampel Cochran (1977). Daripada populasi guru BAT Tingkatan Empat yang mengajar di SMKA di Semenanjung Malaysia yang berjumlah 98 orang

(KPM, 2006a), jumlah sampel yang diperlukan berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan adalah seramai 78 orang, manakala formula Cochran pula juga seramai 79 orang. Oleh itu pengkaji menetapkan sampel guru BAT Tingkatan Empat akan menjadi responden kajian adalah seramai 80 orang untuk memudahkan pembahagian jumlah responden berdasarkan lokasi.

Manakala bagi sampel murid, populasi murid tingkatan empat di sekolah-sekolah SMKA di semenanjung Malaysia digunakan. Mereka dipilih memandangkan latar belakang pembelajaran bahasa Arab murid telah pun mencapai tahap kemahiran bahasa yang baik. Hal ini berdasarkan syarat kemasukan dan pengekalan ke tingkatan empat SMKA bagi subjek BAK peringkat PMR adalah paling kurang pangkat B bagi calon dari sekolah bukan SMKA dan pangkat C bagi calon dari SMKA (JAPIM t.th). Berdasarkan sasaran objektif pembelajaran BAK, murid-murid yang memasuki tingkatan empat mempunyai tahap keupayaan bahasa yang membolehkan mereka mengikuti tahap pembelajaran bahasa Arab yang lebih tinggi serta bersifat pembelajaran kendiri. Murid-murid tingkatan lima tidak dipilih kerana pihak kementerian dan pihak sekolah kurang memberi galakan penglibatan mereka memandangkan pada tahun tersebut mereka akan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Kaedah persampelan yang digunakan adalah teknik persampelan berkelompok pelbagai tahap berstrata (*stratified multistage cluster sampling*). Kaedah ini dipilih memandangkan kawasan yang terlibat dalam kajian ini luas dan melibatkan populasi yang agak besar dan berselerak serta kos yang tinggi. Justeru melalui teknik ini sampel berasaskan kelompok yang menggambarkan rangka populasi lebih mudah diurus serta ia mempunyai ciri yang hampir dari sudut fizikal. Selain itu ia juga boleh

mengurangkan kos dalam penentuan lokasi dan mendapatkan sampel populasi (Babbie, 1986; Newman, 2003).



Rajah 3.2. Persampelan kelompok berstrata murid

Sampel murid yang dipilih adalah seramai 390 orang. Jumlah ini ditentukan berdasarkan saiz sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dan Sekaran (1992), iaitu untuk populasi sebanyak 5442 orang (KPM, 2006b) mereka menyarankan saiz minimum sampel adalah sebanyak 389 orang. Manakala mengikut perkiraan Formula Cochran (1977) saiz sampel daripada populasi tersebut adalah sebanyak 373. Oleh itu, jumlah sampel yang dipilih adalah sebanyak 390 sudah memenuhi jumlah

minima yang disarankan. Jumlah ini juga ditentukan bagi mengimbangkan jumlah sampel yang sama bagi setiap lokasi kajian, iaitu 30 orang daripada 13 buah sekolah yang dipilih secara rawak daripada 39 buah SMKA di Semenanjung Malaysia. Berikut adalah jadual persampelan Krejcie dan Morgan serta langkah perkiraan Formula Cochran:

Jadual 3.5
Jadual Saiz Sampel Mengikut Jumlah Populasi

N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
<u>95</u>	<u>76</u>	480	214	<u>5000</u>	<u>357</u>
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	380
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	10000	384

N: Populasi

S: Saiz Sampel

Sumber: Krejcie dan Morgan (1970)

$$S = \frac{76 \times 98}{95} \quad \text{dan} \quad S = \frac{357 \times 5442}{5000}$$

$$= 78 \quad \quad \quad = 389$$

Manakala langkah pengiraan Formula Cochran pula adalah:

$$n = \frac{n_0}{1 + \frac{n_0}{N}}$$

Oleh itu;

n = saiz sampel

n_0 = $\frac{t^2 pq}{d^2}$

t = risiko menggunakan ralat margin sebenar yang membolehkan mencapai ralat margin yang sesuai

p = jangkaan varians dalam populasi

q = $1 - p$

d = ralat margin yang diterima untuk tujuan penggaran

N = Saiz populasi

Untuk tujuan kajian ini:

$$n_0 = \frac{(2^2)(0.5)(0.5)}{(0.05)^2}$$

t = 2 (Sumber dari Bartlett, Kotrlik dan Higgins (2001), nilai t untuk alpha 0.05 dan populasi $\geq 60 = 2$)

p = 0.5 (Krejcie dan Morgan (1970) mencadangkan tahap 0.5 sebagai tahap anggaran)

$$q = 1 - 0.5 = 0.5$$

d = 95% (0.05) (Bartlett, Kotrlik dan Higgins (2001) mencadangkan tahap alpha yang sesuai ialah 0.05)

N = 98 (guru) dan 5442 (murid) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006)

$$\begin{aligned} \text{oleh itu, } n &= \frac{\frac{400}{400}}{1 + \frac{98}{5442}} \\ &= 79 / 373 \end{aligned}$$

3.7 Responden Kajian

Kajian ini dijalankan dalam kalangan murid-murid tingkatan empat di SMKA di lokasi yang telah ditetapkan. Dalam mengumpul data kajian yang berkaitan, dua jenis responden terlibat; iaitu responden murid bagi melaksanakan ujian kloz dan mendapatkan persepsi mereka berkaitan faktor pembaca, dan responden guru BAT Tingkatan Empat bagi mendapat pandangan mereka berkaitan kebolehbacaan buku teks BAT.

Responden guru terdiri daripada guru-guru BAT yang mengajar subjek BAT Tingkatan Empat. Sebanyak 83 orang guru telah dipilih berbanding 80 orang yang disasarkan daripada populasi guru BAT seramai 98 orang (KPM, 2006). Ia melibatkan jumlah sekolah yang lebih banyak berbanding sekolah bagi sampel murid disebabkan jumlah guru BAT yang terhad bagi setiap sekolah.

Jadual 3.6
Taburan Responden Guru Mengikut Zon

Zon	Negeri	Bil .Sek.	Jum	Guru	Jum
Utara	Perlis	2		4	
	P. Pinang	2	6	5	16
	Kedah	2		7	
Tengah	Perak	1		4	
	K.Lumpur	1	5	3	14
	Selangor	3		7	
Selatan	N.Sembilan	2		6	
	Melaka	2	6	7	19
	Johor	2		6	
Timur	Terengganu	5	10	18	34
	Kelantan	5		16	
Total		27		83	

Lihat lampiran (G)

Manakala responden murid pula sebanyak 397 orang murid telah dipilih melebihi sasaran awal, iaitu 390 orang bagi mewakili populasi kajian. Pada setiap lokasi

jumlah responden adalah pelbagai, iaitu antara 26 hingga 35 orang bergantung kepada kebenaran pihak sekolah yang terlibat. Responden yang terlibat terdiri daripada tiga kategori murid berasaskan pencapaian BAK dalam PMR 2006, iaitu cemerlang, sederhana, dan lemah di setiap lokasi yang ditetapkan dengan bilangan responden bagi setiap kategori adalah pelbagai melainkan satu sekolah yang sukar untuk diklasifikasikan. Selain itu responden yang dipilih juga mengambil kira keseimbangan penglibatan berasaskan jantina. Jadual 3.2 berikut menjelaskan taburan responden yang terlibat dalam kajian ini mengikut zon:

Jadual 3.7
Taburan dan Jumlah Responden Murid

Zon	Bilangan sekolah	Jumlah murid
Utara	3	92
Tengah	3	93
Selatan	3	90
Timur	4	122
Total	13	397

3.8 Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dilakukan sendiri oleh pengkaji. Setelah mengenal pasti sampel dan lokasi kajian bagi mendapatkan data, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dari Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Dasar (BPPD), KPM untuk menjalankan kajian di SMKA di seluruh Semenanjung Malaysia. Setelah mendapat kebenaran dari BPPD, pengkaji menghubungi setiap Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang terbabit bagi mendapatkan kebenaran bagi menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang terlibat dengan JPN berkenaan. Setelah mendapat maklum balas dari pihak JPN, pengkaji menghubungi pihak pentadbir sekolah yang terlibat bagi

mendapatkan tarikh dan masa yang sesuai bagi menjalankan kajian. Pungutan data kajian yang melibatkan ujian kloz, senarai semak dan soal selidik bermula dari 12hb Jun 2007 sehingga 4hb Julai 2007. Manakala bagi analisis linguistik pada teks-teks bacaan mula dilakukan pertengahan bulan Mei 2007, setelah kriteria analisis tersebut dilakukan pengesahan kandungan dan kebolehpercayaan melalui pakar bidang dan kaedah analisis yang sesuai.

3.8.1 Pengumpulan Data Senarai Semak Guru BAT Tingkatan Empat

Bagi mendapatkan data dari guru-guru BAT terlebih dahulu pengkaji mengenal pasti jumlah guru BAT bagi subjek BAT daripada BPPD, KPM dan seterusnya setelah mendapat kebenaran dari pihak berkenaan, pengkaji menghubungi pihak sekolah untuk memaklumkan responden kajian yang melibatkan guru-guru BAT Tingkatan Empat dan seterusnya menetapkan janji temu. Semasa dilokasi kajian pada tarikh yang ditetapkan, pengkaji menemui pihak pentadbir sekolah sama ada pengetua atau wakilnya. Kemudian pengkaji dibawa bertemu dengan para guru yang terlibat sama ada di bilik khas atau di mana-mana lokasi di sekolah berkenaan mengikut keselesaan atau situasi responden yang terlibat.

Seterusnya responden diberikan senarai semak untuk diisikan tanpa ditentukan had masa bergantung kepada keselesaan dan masa responden. Majoriti responden dapat siap mengisi senarai semak pada hari lawatan pengkaji ke sekolah terbabit. Hanya segelintir sahaja yang dikumpulkan pada hari lain disebabkan masalah masa dan tugas guru. Apabila jumlah guru BAT Tingkatan Empat yang mengajar di sekolah yang sama

dengan responden murid tidak mencukupi jumlah sampel yang dikehendaki, sampel dari sekolah lain dalam lokasi yang sama telah digunakan.

3.8.2 Pengumpulan Data Ujian Kloz dan Soal Selidik Murid

Proses pengumpulan data ujian kloz dan soal selidik murid dilakukan pada sekolah dan responden yang sama. Setelah mengenal pasti lokasi kajian mengikut zon dan mendapat kebenaran oleh pihak berkenaan, pengkaji mula ke lokasi kajian berdasarkan tarikh yang dipersetujui. Di lokasi kajian pengkaji dibawa oleh guru yang dipertanggungjawabkan oleh pihak pentadbir sekolah ke tempat yang telah ditentukan untuk melaksanakan ujian kloz kepada responden murid yang dikenal pasti oleh pihak sekolah berdasarkan kriteria yang diperlukan oleh pengkaji. Setelah responden berkumpul dan bersedia, pengkaji memberikan taklimat ringkas berkaitan ujian yang perlu dilakukan. Apabila ujian kloz selesai dijawab oleh responden, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang sama untuk diisi. Purata tempoh masa yang diambil bagi responden melakukan ujian dan menjawab soal selidik adalah satu jam tiga puluh minit (1 jam 30 minit). Setelah semuanya disempurnakan oleh responden, pengkaji sendiri mengumpul kembali kedua-dua instrumen tersebut.

3.8.3 Pengumpulan Data Analisis Linguistik

Data bagi analisis linguistik diperoleh melalui analisis linguistik yang dilakukan oleh pengkaji sendiri ke atas teks-teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat yang terdiri daripada 15 teks semuanya. Bagi menganalisis teks-teks tersebut pengkaji

menggunakan kriteria linguistik yang disahkan oleh pakar serta diuji kebolehpercayaannya. Kriteria linguistik ini terbahagi kepada tiga kategori, iaitu perkataan, ayat dan isi. Setiap kategori pula ditentukan ciri dan ukuran sebagaimana jadual 3.1 di atas. Bagi memudahkan analisis, setiap ciri kategori disediakan borang khas yang berfungsi sebagai borang untuk menyenaraikan setiap ciri linguistik yang telah dikenal pasti bagi menentukan kuantiti atau kekerapan penggunaannya dalam teks yang dianalisis. Prosedur analisis yang sama dilakukan pada setiap teks yang terlibat. Memandangkan terdapat sepuluh ciri linguistik bagi setiap teks untuk dianalisis, jumlah borang analisis bagi keseluruhan teks yang dikaji adalah sebanyak 150 borang bagi semua teks terbabit.

3.9 Tatacara Analisis Data

Semua data yang diperoleh melalui instrumen kajian telah dianalisis. Ia dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial atau "*Statistical Package for Science Social*" (SPSS Versi 11.5). Dalam kajian ini dua jenis analisis digunakan, iaitu analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif yang digunakan adalah bagi menghurai frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Data yang dihuraikan berdasarkan analisis ini melibatkan semua instrumen dalam kajian ini, iaitu ujian kloz, senarai semak guru, soal selidik murid dan analisis linguistik.

Bagi ujian kloz semakan jawapan murid berdasarkan jawapan yang tepat sahaja. Skor ujian dikira berdasarkan peratusan dan seterusnya mendapatkan min skor keseluruhan bagi setiap teks yang diuji serta min keseluruhan skor semua teks. Bagi

mengesahkan pemeriksaan jawapan ujian dilakukan dengan betul, sampel kertas jawapan yang telah disemak dirujuk kepada tiga orang pakar bidang untuk disahkan.

Min skor keseluruhan ujian dipadankan dengan skor kebolehbacaan yang dicadangkan oleh Rye (1982) berdasarkan bentuk ujian kloz yang menggunakan teknik jawapan aneka pilihan. Skor kebolehbacaan ini dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu tahap kecewa bagi skor antara 0% hingga 74%, tahap pengajaran bagi skor antara 75% hingga 89% dan tahap bebas bagi skor antara 90% hingga 100%. Ia sebagaimana berikut:

Jadual 3.8
Ukuran Skor Kebolehbacaan

Skor (%)	Tahap Kebolehbacaan
0 – 74	Kecewa
75 – 89	Pengajaran
90 – 100	Bebas

Sumber: Rye, J. (1982)

Manakala bagi penganalisisan data analisis kandungan teks berdasarkan ciri-siri linguistik, analisis deskriptif berdasarkan kekerapan dan peratusan digunakan. Menurut Singleton dan Straits (2005) kaedah biasa yang digunakan dalam menganalisis kandungan seperti ini adalah kekerapan dan peratusan berdasarkan kategori yang telah dikenal pasti.

Selain itu, analisis inferensi bagi meninjau tahap korelasi antara pemboleh ubah linguistik juga dilakukan. Dalam konteks ini Pallant (2001) menyatakan signifikan nilai (r) kuat dipengaruhi oleh saiz sampel. Oleh itu, beliau menyarankan bagi analisis korelasi dalam jumlah sampel kecil yang sukar memperoleh tahap hubungan yang signifikan, perlu difokuskan laporan berkaitan jumlah varians yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah yang berkorelasi bagi melihat peratus varians berkorelasi yang dikongsi bersama antara dua pemboleh ubah yang terlibat. Dalam kajian ini terdapat tiga kategori dengan sepuluh ciri linguistik yang ditinjau. Setiap ciri tersebut diberikan

tahap kekerapan dan peratusan bagi setiap teks yang dianalisis kemudian ia dijumlahkan secara keseluruhan bagi melihat min keseluruhan setiap ciri linguistik bagi meninjau kekerapan penggunaannya pada 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat.

Manakala bagi senarai semak guru dan soal selidik murid ia dianalisis berdasarkan nilai min bagi lima markat skala Likert. Nilai skala 5 menunjukkan aras persetujuan yang sangat tinggi manakala nilai skala terendah, iaitu 1, menandakan aras persetujuan yang sangat rendah. Sehubungan itu, bagi pernyataan item yang negatif, nilai skala persetujuannya dikodkan semula. Justeru dapatan analisis dari item negatif ini perlu dilihat dengan pernyataan positif. Untuk menganalisis makna nilai min tersebut ia dibahagikan kepada tiga mata (Rudzi, 2003). Nilai ini digunakan bagi menginterpretasi tahap motivasi murid berdasarkan aras persetujuan dan tahap pengetahuan lepas berkaitan topik-topik bacaan berdasarkan persepsi murid serta tahap kebolehbacaan buku teks berdasarkan persepsi guru. Tiga kategori mata skor min yang ditetapkan adalah nilai min antara 1.00 hingga 2.33 dianggap rendah atau lemah, nilai min antara 2.34 hingga 3.67 dianggap sederhana dan nilai min antara 3.68 hingga 5.00 dianggap tinggi atau baik sebagaimana berikut:

Jadual 3.9
Kategori Tahap Penilaian Min

Skor Min	Interpretasi	
	Soal selidik murid	Senarai semak guru
Min=1.00 hingga min=2.33	Rendah	Lemah
Min=2.34 hingga min=3.67	Sederhana	Sederhana
Min=3.68 hingga min=5.00	Tinggi	Baik

Manakala analisis inferensi adalah untuk menjelaskan serta menghuraikan pertalian atau korelasi antara pemboleh-pemboleh ubah dan korelasi antara pemboleh-

pemboleh ubah dengan pencapaian atau skor murid dalam ujian kloz. Terdapat pelbagai pandangan dan cadangan dalam menginterpretasi nilai kekuatan korelasi. Sebagai contoh Cohen dan Holliday (1982) mencadangkan nilai $r=0.70$ sebagai tinggi, Cohen (1988) meletakkan nilai $r=0.50$ sebagai tinggi, Alias Baba (1992) pula menganggarkan nilai $r=0.60$ sebagai tinggi dan Healy et al. (1997) menganggap nilai $r=0.30$ ke atas sebagai tinggi. Sehubungan itu menurut Bryman dan Cramer (1999: 181) "*However, these are rules of thumb and should not be regarded as definitive indication, since there are hardly any guidelines for interpretation over which there is substantial consensus*". Justeru dalam kajian ini, nilai kekuatan korelasi yang diperoleh antara pemboleh-pemboleh ubah diinterpretasi berdasarkan skala Healy et al. (1997: 82). Menurut beliau dalam kebanyakan situasi kajian sosial sains, nilai korelasi kurang dari 0.10 dianggarkan lemah, 0.10 hingga 0.30 dikira sebagai sederhana dan boleh diabaikan, manakala nilai korelasi 0.30 ke atas secara am adalah tinggi dan dikira mempunyai hubungan yang kuat. Dalam mempertahankan anggaran nilai $r=0.30$ sebagai kuat beliau menyebut:

"This scale may strike you as too low. If Cramer's V has an upper limit of 1, how could values as low as .30 be regarded as "strong"? Remember that, in the social sciences, we deal with probabilistic causal relationship. We do not propose that our independent variable is the cause of the dependent variable but merely a cause. A variable like religiosity has many causes. When examining bivariate relationship and independent variables one at a time, expecting measures of association to approach 1 is unreasonable. Given the complexity of the social world, the (admittedly arbitrary) guideline presented is serviceable in most instances." (m.s.82)

3.10 Rumusan

Dalam bab ini telah dibincangkan berkenaan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Ia adalah penting bagi memastikan kaedah penyelidikan yang dipilih dapat

mencapai tujuan kajian serta menjawab soalan-soalan kajian yang ditentukan. Beberapa proses bagi memenuhi keperluan kajian ini telah dilakukan sebagaimana yang dihuraikan dalam bab ini, bermula dengan pemilihan reka bentuk hingga ke proses pengumpulan data dan menganalisisnya. Diharapkan ia dapat memberikan gambaran yang sebenar berkaitan persoalan yang ingin dijawab oleh pengkaji.